

# → PENDIDIKAN

# 7 universiti Malaysia raih penarafan dunia

● UTP, UUM disenarai kali pertama

Oleh Syuhada Choo  
Abdullah  
choo@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Tujuh universiti tempatan, termasuk dua untuk julung kalinya, berada dalam senarai bertaraf dunia, Times Higher Education (THE) World University Rankings 2016-2017 yang diumumkan semalam.

Dua universiti yang kali pertama meraih penarafan itu ialah Universiti Teknologi Petronas (UTP) yang berada di tangga 601-800 dan Universiti Utara Malaysia (UUM) pada kedudukan 801+ dalam senarai membabitkan 980 universiti di 79 negara itu.

Universiti lain yang berada dalam senarai itu dan meneruskan pencapaian tahun lalu adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Uni-

versiti Sains Malaysia (USM) yang kekal di tangga 601-800.

Bagaimanapun, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mencatat kemerosotan dengan turut berada di kelompok 601-800 kali ini berbanding 401-500 dalam THE World University Rankings 2015-2016.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berada di tangga 601-800 tahun lalu pula menurun kepada 801+ dalam penarafan terbaharu itu.

## Di tangga kedua

Menurut keputusan disiarkan laman rasmi badan penarafan itu, Universiti Oxford mendahului senarai kali ini selepas berada di tangga kedua tahun lalu, mengambil alih kedudukan Institut Teknologi California yang menurun ke tempat kedua.

Sementara itu, Universiti Stanford, Universiti Cambridge serta Institut Teknologi Massachusetts mengekalkan kedudukan masing-masing di tangga ketiga, keempat dan kelima.

Universiti Nasional Singapura pula mendahului universiti di rantau Asia dengan berada di tangga ke-24, kedudukan lebih baik berbanding ke-26 tahun lalu.



**Universiti Teknologi Petronas terima penarafan Times Higher Education (THE) World University Rankings 2016-2017.**